



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 12 OGOS 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MAHA 2022: SEKTOR AGROMAKANAN SEDIA PELUANG PERNIAGAAN LUAS KEPADA GOLONGAN MUDA, UTUSAN SARAWAK -ONLINE AGROMAKANAN BERI RUANG PERNIAGAAN ORANG MUDA, BH -ONLINE VANILLA JANA PENDAPATAN, UM -ONLINE NANYANG SIANG PAU -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6.	MADA LAHIRKAN PROFESIONAL BERTAULIAH MELALUI MASPRO, UM -ONLINE MADA BIMBING 2,337 USAHAWAN, CATAT RM185 JUTA JUALAN, UM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7. 8.	AGROBANK METERAI PERJANJIAN STRATEGIK, UTUSAN SARAWAK -ONLINE AGROBANK, LPP METERAI MOU URUS CARUMAN TAKAFUL WARGA PELADANG, UTUSAN SARAWAK -ONLINE	AGROBANK
9. 10. 11.	NAFAS LANCAR BAJA BERSKALA KECIL JENAMA PELADANG UNTUK TANAMAN ISI RUMAH, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE PELADANG GALAK HASIL BUAH, BUNGA, KOSMO -ONLINE NAFAS LANCAR BAJA JENAMA PELADANG BERHARGA RM10 SEBOTOL, SH -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
12. 13. 14.	KERJASAMA PERAD SADC, AGROBANK, BH -ONLINE PERAK SADC BANGUN LEBIH BANYAK LADANG, HM -ONLINE BOTANIC INSPIRATION, THE SUN -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAHA 2022: Sektor agromakanan sedia peluang perniagaan luas kepada golongan muda

SERDANG: Sektor agromakanan menyediakan peluang dan prospek perniagaan yang luas bagi golongan muda melibatkan diri dalam sektor penting negara itu, kata Ketua Pegawai Pembangunan Bank Pertanian Malaysia Bhd (Agrobank) Aminuddin Amenon.

Beliau berkata memandangkan permintaan untuk produk agromakanan adalah tinggi, penglibatan golongan itu dalam sektor tersebut adalah penting dan mereka boleh memanfaatkan peluang perniagaan yang ada.

“Contohnya dalam subsektor penternakan ayam yang kini menjadi keperluan dan merupakan sumber protein kebanyakan isi rumah di Malaysia, tenaga kerja yang banyak terutamanya daripada anak muda sangat diperlukan.

“Dengan penglibatan mereka (golongan muda), ia juga boleh membantu dalam usaha

mempertingkatkan sekuriti makanan dan menstabilkan harga bekalan dengan mengurangkan kebergantungan kita kepada makanan import,” katanya.

Aminuddin berkata demikian semasa ditemui di tapak pameran Kluster Agro Youth sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang berlangsung di MAEPS Serdang sejak 4 Ogos lepas.

Aminuddin berkata kekurangan pengalaman dan modal perniagaan di samping ketidaktentuan pendapatan serta masa diperlukan untuk menuai hasil yang panjang merupakan antara cabaran bagi golongan muda menceburi bidang tersebut.

Menyedari cabaran tersebut, Agrobank menyediakan pembiayaan melalui Agro-Youth Entrepreneur Scheme (AGRO-YES) 2.0. dalam usaha membantu menjadikan industri

agromakanan sebagai bidang kerjaya masa hadapan buat usahawan muda.

“Agrobank melalui skim ini memperuntukkan sejumlah RM50 juta untuk menyediakan pembiayaan bernilai RM50,000 sehingga RM500,000 dengan tempoh pembiayaan maksimum sehingga 8.5 tahun buat mereka yang berminat,” katanya.

Selain itu, beliau berkata pihaknya juga menyediakan khidmat nasihat perniagaan melalui Agropreneur Centre of Excellence bagi membantu usahawan mendapatkan bimbingan kewangan dan pengurusan dalam menjayakan perniagaan mereka.

Orang ramai boleh mengunjungi tapak pameran Kluster Agro Youth di Dewan C, MAEPS Serdang sepanjang MAHA 2022 bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan kemudahan tersebut.

— Bernama

Agromakanan beri ruang perniagaan orang muda

Sektor agromakanan menyediakan peluang dan prospek perniagaan yang luas bagi golongan muda membabitkan diri dalam sektor penting negara itu, kata Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Aminuddin Amenon.

Beliau berkata, memandangkan permintaan untuk produk agromakanan adalah tinggi, pembabitkan golongan itu dalam sektor berkenaan adalah penting dan mereka boleh memanfaatkan peluang perniagaan yang ada.

"Contohnya dalam subsektor penternakan ayam yang kini menjadi keperluan dan sumber protein kebanyakan isi rumah di Malaysia, tenaga kerja yang banyak terutamanya daripada anak muda sangat diperlukan.

"Dengan pembabitkan mereka (golongan muda), ia juga boleh membantu dalam usaha mempertingkatkan sekuriti makanan dan menstabilkan harga bekalan dengan mengurangkan kebergantungan kita kepada makanan import," katanya.

Aminuddin berkata demikian ketika ditemui di tapak pameran Kluster Agro Youth sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang berlangsung di MAEPS Serdang sejak 4 Ogos lalu.

Aminuddin berkata, kekurangan pengalaman dan modal perniagaan di samping ketidaktentuan pendapatan serta masa diperlukan untuk menuai hasil yang panjang menjadi antara cabaran bagi golongan muda mencuburi bidang terbabit.

Menyedari cabaran itu, Agrobank menyediakan pembiayaan melalui Agro-Youth Entrepreneur Scheme (AGRO-YES) 2.0 dalam usaha membantu menjadikan industri agromakanan sebagai bidang kerjaya masa hadapan buat usahawan muda.

"Agrobank melalui skim ini memperuntukkan sejumlah RM60 juta untuk menyediakan pembiayaan bernilai RM50,000 sehingga RM500,000 dengan tempoh pembiayaan maksimum sehingga lapan setengah tahun kepada mereka yang berminat," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Agrobank menyediakan khidmat nasihat perniagaan melalui Agropreneur Centre of Excellence bagi membantu usahawan mendapatkan bimbingan kewangan dan pengurusan dalam menjayakan perniagaan mereka.

Orang ramai boleh mengunjungi tapak pameran Kluster Agro Youth di Dewan C, MAEPS Serdang sepanjang MAHA 2022 bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan kemudahan itu.

BERNAMA

Vanila jana pendapatan

Serdang: Mahu menjadikan Malaysia antara pengeluaran vanila terbesar di dunia. Itu antara misi Mohamad Feisal Mohamed Norawi ketika memperkenalkan penanaman pokok vanila pada 2008.

Beliau berkata, menerusi syarikat Amani Vanilla Temerloh Sdn Bhd yang diasaskannya, dia mengeluarkan pelbagai produk berasaskan vanila antaranya ais krim, serbuk dan ekstrak yang boleh digunakan untuk kulinari, kosmetik dan farmaseutikal.

Katanya, dengan harga mencecah RM2,000 sekilogram, vanila mampu menjana pendapatan lumayan buat mereka yang tahu untuk memanfaatkannya.

“Kini kami mengeluarkan beberapa produk berasas-

kan vanila dengan rasa yang asli agar masyarakat tahu kebaikan tumbuhan ini.

“Tidak ramai yang mengetahui khasiat sebenar vanila, malah ia turut berpotensi menjana pendapatan kerana pelbagai produk boleh dihasilkan daripada buah vanila,” katanya ketika Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2022 (Maha 2022) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), baru-baru ini.

Menurutnya, buah vanila sudah dikeringkan mencecah harga RM120 sekilogram dan penanamannya belum meluas di Malaysia.

Katanya, hanya beberapa negara menjadi pengeluar utama vanila dunia iaitu Indonesia, Madagascar dan Papua New Guinea.



沙拉夫丁殿下（左二）与王储阿末尔（左）及苏丹后诺阿斯晋（右二），参观农业展中的果园

雪苏丹谕令州政府 拟策保障粮食安全

【莎阿南 10 日讯】雪兰莪州苏丹沙拉夫丁殿下谕令雪州政府，准备更长远及全面的粮食计划，以保障人民的粮食安全。

殿下说，应优先平衡地方上中小企业的工业食品和农产品生产量。

食品价格须合理

雪州是各类农产品的主要生产州之一，不希望子民的食物供应链出现干扰。

殿下也强调，为了让人民可以负担，所有食品必须是优质且价格合理。

雪州于今日在官方面发表苏丹文告时说，殿下呼吁马来

西亚农业发展与研究所，以及博特拉大学研究，生产更高质量的农畜产品，确保供应始终充足。

访农业旅游展

雪州苏丹昨日由苏丹后雪州苏丹后东姑诺阿斯晋及王储拉惹东姑阿米尔沙陪同，到访 2022 年马来西亚农业、园艺及农业旅游展 (MAHA)。

苏丹巡视了 4 小时，也参观了雪州企业家的参展摊位，以及参观由雪州兽医局举办的宠物展和哈密瓜。

在场者包括雪州大臣拿督斯里列米鲁丁。

MADA lahirkan profesional bertauliah melalui MASPRO

Oleh **KAMARIAH KHALIDI**
ululaini@protonmail.com

SERDANG: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menubuhkan kumpulan pembekal perkhidmatan di Kawasan Muda atau MADA Agricultural Service Provider (MASPRO) bagi melahirkan pembekal perkhidmatan mekanisasi dan automasi yang profesional, bertauliah serta moden.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, pembekal perkhidmatan dalam bidang tersebut berperanan penting dalam menyokong aktiviti penanaman padi bermula dari fasa penanaman sehingga fasa terakhir iaitu pengurusan tuai.

"Penubuhan MASPRO ini selaras dengan usaha MADA untuk memastikan peraturan pengeluaran beras negara dapat ditingkatkan melebihi 40 peratus dengan purata hasil per hektar menjelang 2025.

"Diharap dengan inisiatif ini ia akan membantu pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di Kawasan Muda bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran



RONALD Khande (tengah) menyerahkan Geran Kajian Inovasi Mekanisasi dan Automasi Pertanian sambil disaksikan Ahmad Tarmizi Sulaiman (dua dari kanan) dan Kamarudin Dahull (kanan) pada pelancaran MASPRO di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang, kelmarin. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

padi dan beras negara," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran MASPRO di Taman

Ekspo Pertanian Malaysia Serdang kelmarin. Turut hadir, Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman dan Pengurus Besar MADA, Kamarudin Dahull.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, MASPRO turut memainkan peranan sebagai salah satu alat jaringan Government to Business (G2B) di antara pihak pembekal perkhidmatan dan MADA.

Jelasnya, kursus dan latihan yang disediakan di bawah MASPRO akan meningkatkan lagi kefabahaman ahli dari aspek pengurusan perniagaan, pengurusan bengkel serta teknologi pertanian.

"Sasaran jumlah pembekal perkhidmatan dari seluruh kawasan MADA yang berdaftar dengan MASPRO bagi tahun 2021 hingga 2025 adalah seramai 60 orang setahun.

"Sehingga kini, seramai 143 orang pembekal perkhidmatan telah menjadi ahli MASPRO dan jumlah ini telah melepasi sasaran yang ditetapkan berikutan sambutan menggalakkan yang diterima," ujarnya.

Pada majlis tersebut, Ronald turut menyerahkan Geran Kajian Inovasi Mekanisasi dan Automasi Pertanian berjumlah RM200,000 kepada Pertubuhan Peladang Kawasan MADA dan juga pembekal perkhidmatan di bawah MASPRO.

MADA bimbing 2,337 usahawan, catat RM185 juta jualan

SERDANG: Seramai 2,337 usahawan berjaya dibimbing oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sehingga tahun lalu dengan 20 peratus daripadanya terdiri daripada golongan muda.

Menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah, sebanyak RM185 juta nilai jualan dicatatkan bagi tahun 2021 menerusi program Pembangunan Usahawan MADA.

"Saya yakin MADA sentiasa komited dalam meningkatkan pengeluaran makanan segar dalam industri tanaman, ternakan dan perikanan selain membentukkan tumpuan terhadap peningkatan pendapatan usahawan dalam golongan B40 di Kawasan Muda.

"Setring dengan cabaran di dalam perniagaan, strategi yang dilaksanakan perlu menjurus

tika berucap pada Majlis Pelancaran Produk Hazra Jaya Food Enterprise sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) pada Isnin.

Hadir sama, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid; Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman dan Pengurus Besar MADA, Kamarudin Dahulu.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, pencapaian itu merupakan satu petunjuk penting bagi menonjolkan kejayaan usahawan MADA dalam menghasilkan produk-produk yang berkualiti bagi memenuhi permintaan tempatan dan antara bangsa.

"Diharap usahawan bimbingan di bawah MADA menggunakan peluang ini sebaik-baiknya untuk terus berusaha meningkatkan taraf ekonomi

diri dan keluarga serta menjamakan lagi produk-produk baharu di masa akan datang," ujarnya.

Sementara itu, pemilik Hazra Jaya Food Enterprise, Nor Hathmina Ibrahim berkata, permintaan yang tinggi terhadap produk ready to eat dalam kalangan pengguna mendorongnya untuk menyahut cabaran dan menghasilkan produk tersebut bermula pada 2020.

"Antara produk ready to eat yang sering mendapat permintaan seperti rendang ayam cili api, rendang daging dan laksa kedah kerana mudah disediakan dan menepati citarasa pelanggan," ujarnya.

Untuk info, Hazra Jaya mula diasaskan pada tahun 1994 dengan menghasilkan sos dan kacang bagi pasaran kanin dan asrama sekolah sebelum menyorak langkah menghasilkan pes makanan sendiri.



AHMAD Hamzah (kiri), Haslina Abdul Hamid (dua dari kiri) dan Ahmad Tarmizi Sulaiman (kanan) mendengar penerangan Nor Hathmina Ibrahim (tengah) selepas pelancaran Produk Hazra Jaya Food Enterprise di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS).

kepada inovasi dan pendigitalan, keusahawanan yang konduksif dan menyeluruh bagi usahawan MADA," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

Agrobank meterai perjanjian strategik



KUKUHKAN KERJASAMA... Simbolik kerjasama strategik Agrobank dan Perak SADC yang disempurnakan oleh Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin dan Yahanis Yahya sambil disaksikan oleh Dato' Seri Saarani Mohamad.

SERDANG: Agrobank baru-baru ini telah memeterai satu perjanjian strategik bersama Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) untuk menggalakan penglibatan lebih ramai rakyat Malaysia dalam sektor pertanian menerusi 'Program Ladang Untuk Rakyat' bagi tujuan penanaman komoditi getah, kelapa

sawit dan durian.
Simbolik kerjasama strategik ini telah disempurnakan oleh Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin dan Ketua Pegawai Eksekutif Perak SADC Yahanis Yahya sambil disaksikan oleh Menteri Besar Perak di MAEPS Serdang Dato' Seri Saa-

rani Mohamad bersempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2022 (MAHA 2022).

Segala urusan pembangunan dan operasi akan dikendalikan oleh Perak SADC dan pemilihan peserta akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri Perak. Program pembiayaan yang ditawarkan ini berjumlah di antara RM5,000 sehinggalah RM50,000 dengan kadar keuntungan pembiayaan serendah KABP (kadar asas beban pembiayaan) + 0 peratus.

Menurut Tengku Ahmad Badli Shah, kita telah menyaksikan kolaborasi strategik di antara Agrobank dan Perak SADC dalam usaha untuk menjaga pendapatan tambahan dalam sektor penanaman komoditi seperti getah, kelapa sawit dan durian. Seterusnya meningkatkan taraf sosio-ekonomi kumpulan berpendapatan rendah dan B40 terutamanya.

'Agrobank akan berperanan sebagai pembiaya kepada program ini manakala Perak SADC pula akan bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan ladang, bimbingan, penyenggaraan dan penjualan komoditi. Bagi memudahkan Peserta Ladang Untuk Rakyat, pendapati hasil jualan mereka akan dibayar terus kepada Agrobank secara bulanan manakala lebihan hasil jualan akan diagihkan kepada semua peserta secara dividen tahunan.'

komen Tengku Ahmad Badli Shah lagi.

Beliau turut menambah, melalui peneraan daripada program ini yang memfokuskan kepada aspek 3A iaitu Aksesibiliti (Accessibility), Ketersediaan (Availability) dan Berpatutan (Affordability). Agrobank komited untuk terus memperkasakan komuniti agro menerusi program-program pembiayaan termasuklah menerusi kerjasama bersama Perak SADC ini.

'Saya juga berharap kolaborasi strategik seumpama ini bersama organisasi-organisasi korporat yang lain dapat turut dilaksanakan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dapat terus dijana selain membantu meningkatkan lagi kestabilan jaminan keselamatan makanan negara khususnya ketika dunia kini sedang dihimpit dengan ketidakstabilan ekonomi dan ekosistem rantaian makanan.'

Program Ladang Untuk Rakyat bersama Perak SADC ini buat pertama kalinya telah diperkenalkan oleh Agrobank pada 2016 menerusi tanaman kelapa sawit dan getah yang telah membantu lebih 1,450 rakyat negeri Perak. Kini, kerjasama strategik ini telah dikembangkan lagi dengan tanaman durian.

Untuk maklumat lanjut berkaitan dengan program ini, sila layan laman sesawang Agrobank di www.agrobank.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1300 88 2476 atau e-mel customer@agrobank.com.my - Bernama

Agrobank, LPP meterai MoU urus caruman takaful warga peladang

SERDANG: Agrobank dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) meterai satu memorandum persefahaman (MoU) bagi menguruskan dan mempromosikan caruman takaful ahli peladang di seluruh negara di bawah Program Smart Card Keluarga Peladang (Peladang-i) dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM 5 juta.

Menyeru kerjasama ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah memperuntukkan RM5 juta kepada LPP yang akan disalurkan secara sekai ben (one off) kepada Agrobank untuk menguruskan caruman takaful ahli-ahli peladang di bawah program ini. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Agrobank sebagai sebuah syarikat kewangan mempunyai kepakaran dan kapasiti bagi menguruskan perumukan dan dana yang bertujuan menjaga kesejahteraan komuniti pertanian dan agromakanan secara amnya, terutamanya bagi ahli peladang yang memainkan peranan sebagai agensi pelaksana di bawah program ini.

"Agrobank amat berbesar hati untuk bekerjasama dengan LPP

bagi membantu ahli-ahlinya di seluruh Malaysia dalam menawarkan manfaat daripada kad pintar Peladang-i ini yang akan memberikan impak nilai tambah yang tinggi untuk meningkatkan kualiti pengalaman perbankan mereka yang turut disertakan dengan manfaat daripada perlindungan takaful ini," tambah Tengku Ahmad Badli Shah pada majlis menandatangani MoU yang berlangsung di MAEPS Serdang pada Rabu.

Majlis pertukaran MoU ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengerusi LPP, Tengku Ahmad Badli Shah dan Datuk Azulira Salim sambil disaksikan oleh Menteri Pertanian, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dan Industri Makanan, Dato Mustapha Buang. Pengerusi Agrobank dan Timbalan Pengerusi LPP, Tuan Adhif Syan Abdulillah.

Program Smart Card Keluarga Peladang mempunyai gabungan ciri-ciri tiga dalam satu menerusi kad debit Co-Brand Agrobank. Selain berfungsi sebagai kad identiti keahlian berkonsepkan transaksi perbankan moden, kad Peladang-i turut dilindungi dengan manfaat perlindungan Takaful sehingga RM 5,000 dengan bayaran serendah RM5



UNTUK ALBUM... Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (duduk, tengah) bergambar bersama selepas menyaksikan majlis pertukaran dokumen perjanjian kolaborasi strategik antara Agrobank dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2022 di MAEPS, semalam. • Foto BERNAMA

setahun.

Tengku Ahmad Badli Shah turut menambah, Agrobank juga menyasarkan kira-kira 10,000 Ahli Baharu LPP yang akan didaftarkan di bawah program ini dan Agrobank akan turut berhubung secara terus dengan

pihak Pertubuhan Peladang

Kawasan (PPK) di seluruh negara untuk tujuan mempromosi atau membuka kaunter pembuka akaun PELADANG-i seterusnya mendaftarkan perlindungan Takaful kepada ahli-ahli yang layak.

Untuk maklumat lanjut ber-

kaitan dengan program ini, sila layan laman sesawang Agrobank di www.agrobank.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1300 88 2476 atau e-mel_customer@agrobank.com.my. Bermama

NAFAS lancar baja berskala kecil jenama peladang untuk tanaman isi rumah

SERDANG: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) melancarkan dua produk pembajaan berskala kecil jenama Peladang iaitu baja bagi memenuhi keperluan tanaman isi rumah yang berkualiti tinggi serta dijual dengan harga serendah RM10 sebotol.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata Baja Sebatian 65 dan 45 keluaran syarikat subsidiari NAFAS Bajakimia Sdn Bhd (NBKSB) dihasilkan melalui proses granulasi wap dan mengandungi keperluan nutrien utama yang lengkap mengikut formulasi baja.

“Baja Tumbesaran Umum Sebatian 65 dan Baja Formulasi Hasil Tumbesaran Sebatian 45 adalah baja bagi menggalakkan pengeluaran bunga dan buah yang berkualiti, membantu batang pokok menjadi kuat dan meningkat pertumbuhan akar aktif,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran produk berkenaan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 semalam.

Katanya, baja yang dike-

luarkan oleh pihak NAFAS dan telah mendapat pensijilan dan diakreditasi dengan ISO 9001:2008, Standards Malaysia Accredited Laboratory (2006) dan juga SIRIM.

“Keluaran produk baja ini telah diiktiraf serta mendapat sijil SIRIM dan sebagainya. Malah baja ini merupakan one of the best baja (satu daripada yang terbaik) dikeluarkan oleh NAFAS,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata produk tersebut boleh didapati di kedai-kedai input rangkaian Pertubuhan Peladang (PP) meliputi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta kedai-kedai input terpilih di seluruh Malaysia selain melalui platform jualan dalam talian seperti Shopee.

Pada majlis sama, beliau bersama Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS Datuk Zamri Yaakob turut menyempurnakan jualan Happy Hour yang menawarkan dua botol Baja sebatian 65 dan 45 dengan harga RM10 serta satu pek ayam sejuk beku 1kg berharga RM5 satu pek.

Hasil daripada jualan Happy Hour itu sebanyak 20 botol baja dan 30 pek ayam sejuk beku terjual. — Bernama

Peladang galak hasil buah, bunga



Oleh **HARRITH HISHAM**

SERDANG – Pertubuhan

Peladang Kebangsaan (NAFAS) mengeluarkan produk pembajaan berskala kecil jenama Peladang sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancangan Malaysia (MAHA) 2022.

Baja Sebatian 65 dan 45 keluaran NAFAS Bajakimia Sdn. Bhd. (NBKSB) itu adalah untuk memenuhi keperluan tanaman isi rumah yang berkualiti tinggi dan diproses di kilang Baja Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd. (MNFBSB) di Gurun, Kedah.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pengeluaran baja tersebut adalah cukup bertepatan dengan masa dan waktu bagi menggalakkan masyarakat untuk bercucuk tanam serta melibatkan diri dalam pertanian.

Menurut beliau, penggunaan kedua-dua baja berkenaan dapat



AMMAD HAMZAH (lima dari kiri) bersama Zamri (tengah) pada majlis pelancaran baja Peladang di Serdang semalam.



mengalakkan pengeluaran bunga dan buah yang berkualiti serta membantu batang pokok menjadi kuat dan meningkatkan pertumbuhan akar aktif.

"Baja ini adalah untuk kegunaan peringkat bawahan terutama suri rumah bukan sahaja untuk sayuran dan buah-buahan malah untuk tanaman lain dengan harga yang berpatutan.

"Keluaran produk

ini juga telah dikitar dengan sistem prosedur operasi standard (SOP) dan SIRIM, menjadikan ia antara baja yang terbaik," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Turut hadir

Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob; Pemangku Pengerusi Besar NAFAS, Saripol Baharin Karim dan Pengerusi Besar NBKSB, Zalfudin

Md. Arshad.

Ahmad berkata, kedua-dua baja itu boleh didapati di 279 input rangkaian Pertubuhan Peladang (PP), yang mana ia bukan sahaja memberi kemudahan kepada petani dan peladang, malah untuk kegunaan masyarakat umum.

"Baja itu akan dijual dengan harga RM10 sekilogram di kesemua rangkaian PP meliputi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta kedai-kedai input terpilih di seluruh

Malaysia serta platform jualan dalam talian, Shopee," katanya.

Sementara itu, NAFAS turut menawarkan jualan harga murah baja benama Peladang yang berasaskan makanan dan juga bukan makanan seperti racun dan minyak.

NAFAS juga terlibat sama di Laman Mekanisasi, Laman Padi dan Laman Agro-edutainment yang turut dimeriahkan dengan aktiviti serta pameran produk-produk.



KAKITANGAN NAFAS menunjukkan dua jenis baja Sebatian 65 dan 45 yang dijual pada harga RM10 sekilogram.

Nafas lancar baja jenama Peladang berharga RM10 sebotol

SERDANG - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) melancarkan produk pembajaan berskala kecil jenama Peladang yang dijual di pasaran pada harga serendah RM10 sebotol sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, produk itu diancarkan pada waktu yang tepat dalam usaha kerajaan menggalakkan rakyat untuk bercucuk

tanam dan melibatkan diri dalam pertanian.

Menurutnya, produk baja yang dikeluarkan syarikat subsidiari Nafas iaitu Nafas Bajakimia Sdn Bhd (NBKSB) terbahagi kepada dua jenis iaitu

Baja Tumbesaran Umum Sebatian 65 (Sebatian 65) dan Baja Formulasi Hasil atau Tumbesaran Sebatian 45 (Sebatian 45).

Katanya, baja berkualiti tinggi untuk keperluan isi



Ahmad (dua dari kiri) menyempurnakan gimik pelancaran produk pembajaan berskala kecil jenama Peladang sempena MAHA 2022 di MAEPS pada Khamis.



rumah itu diproses di kilang baja Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB) di Gurun, Kedah yang juga syarikat subsidiari Nafas.

Dengan inisiatif ini, Nafas turut muncul sebagai salah satu

organisasi di negara ini yang membekalkan baja kepada golongan petani," katanya selepas menyempurnakan pelancaran produk baja berkenaan di MAHA 2022 yang berlangsung di Taman Ekspo

Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), pada Khamis.

Hadir sama, Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob, barisan Ahli Jemaah Pengarah Nafas; Pemangku Pengurus Besar Nafas, Saripol Baharin Karim dan Pengurus Besar NBKSB, Zairudin Md Arshad.

Ahmad menjelaskan, Baja Sebatian 65 dan 45 adalah baja bagi menggalakkan pengeluaran bunga dan buah yang berkualiti, membantu batang pokok menjadi kuat serta meningkatkan pertumbuhan akar aktif.

Ujar beliau, baja berkenaan



Dari kanan: Zamri, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Azulita Salim dan Ahmad menunjukkan baja keluaran NBKSB yang dijual pada harga RM10.

diakreditasi dengan ISO 9001:2008 Standards Malaysia Accredited Laboratory (2006) dan juga Institut Pwawan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

"Produk baja seberat satu kilogram sebotol ini boleh didapati di kedai-kedai input rangkaian Pertubuhan Peladang (PP) meliputi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), kedai-kedai input terpilih di seluruh Malaysia selain boleh didapati melalui platform jualan dalam talian, Shopee," tambahnya.

“

Baja Sebatian 65 dan 45 adalah baja bagi menggalakkan pengeluaran bunga dan buah yang berkualiti.”

dihasilkan melalui proses granulasi wap dan mengandungi keperluan nutrien utama lengkap mengikut formulasi baja.

"Baja jenama Peladang ini mendapat persijilan dan

Kerjasama Perak SADC, Agrobank

Galak lebih ramai rakyat terbabit dalam sektor pertanian

Web Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@hh.com.my

Serdang: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) dan Agrobank memeterai perjanjian strategik bagi menggalakkan pembabitkan lebih ramai rakyat dalam sektor pertanian menerusi Program Ladang Untuk Rakyat.

Program itu bertujuan untuk membuka ladang bagi tanaman getah, kelapa sawit dan durian yang akan dibangunkan oleh Perak SADC, sebelum diserahkan kepada rakyat yang layak menyertai program itu.

Menerusi kerjasama strategik itu, Agrobank menawarkan pembiayaan antara RM5,000 hingga RM50,000 kepada peserta program dengan kadar keuntungan pembiayaan seron-



Saarani (kiri) menyaksikan Yahanis (kanan) dan Tengku Ahmad Radli Shah menandatangani kerjasama strategik antara Perak SADC dan Agrobank di MAEPS, Serdang, kelmarin. (Foto: Syarif Hanihan/BERNAMA)

dah kadar asas berlian pembiayaan (KABP) peratus.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, berkata kerjasama dan pembiayaan ditawarkan Agrobank itu diharap dapat membantu peserta Program Ladang Untuk Rakyat memina keuntungan yang lumayan.

"Ladang ini dibangunkan Perak SADC dan kemudian kita beraikan kepada rakyat dengan harapan mereka yang menyertai program ini dapat menjana keuntungan sama seperti yang

Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini kelmarin.

Jana pendapatan tambahan

Terdahulu, kerjasama strategik itu disempurnakan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Radli Shah Ruz Hussin, serta Ketua Pegawai Eksekutif Perak SADC, Yahanis Yahya, dengan disaksikan Saarani.

Sementara itu, Tengku Ahmad Radli Shah berkata, kerjasama strategik itu diharapkan dapat memana pendapatan tambahan dalam sektor pertanian komoditi seperti getah, kelapa sawit dan durian, sekali gus meningkatkan taraf sosio-ekonomi kumpulan berpendapatan rendah dan B40.

"Agrobank akan berperanan sebagai pembiaya kepada program ini, manakala Perak SADC pula akan bertanggungjawab menyediakan kemudahan, bimbingan, penyelenggaraan dan penjualan komoditi.

"Bagi memudahkan Peserta Ladang Untuk Rakyat, pendapatan hasil jualan mereka akan dibayar terus kepada Agrobank secara bulanan, manakala lebihan hasil jualan akan diagihkan kepada semua peserta secara dividen tahunan," katanya.

Program Ladang Untuk Rakyat antara Perak SADC dan Agrobank diperkenalkan buat kali pertama pada 2016 menerusi tanaman kelapa sawit dan getah yang membantu lebih 1,450 rakyat Perak, sebelum dikembangkan dengan tanaman durian.

Perak SADC bangun lebih banyak ladang

Serdang: Kerajaan Perak berhasrat membangunkan lebih banyak ladang pertanian dan perladangan.

Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, ini susulan kejayaan kerajaan negeri menerusi Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) membangunkan ladang kelapa sawit PT Pinang Witmas Sejati (PT PWS) di Palembang, Indonesia.

Menurutnya, kejayaan yang diperolehi daripada pembangunan ladang berkenaan bukan saja membawa manfaat kepada rakyat negara itu, malah keuntungan dibawa pulang untuk membangunkan Perak.

"Kerajaan Perak menerusi Perak SADC membangunkan ladang kelapa sawit dan ia terbukti berhasil membawa keuntungan besar kepada negeri.

"Hasil itu kemudian dimanfaatkan bagi membangunkan Perak dalam pelbagai sektor termasuk menyumbang lebih RM500 juta dalam bentuk dividen sepanjang pengoperasian PT PWS," katanya selepas me-



SAARANI (dua dari kanan) melancarkan Buku Ladang Sawit PT Pinang Witmas Sejati. Pengalaman Perak SADC Mengubah Hutan Di Indonesia Menjadi Nukleus Sosial dan Ekonomi. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

lancarkan buku meja kopi (coffee table) Buku Ladang Sawit PT Pinang Witmas Sejati: Pengalaman Perak SADC Mengubah Hutan Di Indonesia Menjadi Nukleus Sosial dan Ekonomi.

Majlis berkenaan turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Perak SADC, Yahya Yahya itu berlangsung sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancungan Malaysia 2022 (Maha 2022) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) di sini.

Buku setebal 174 halaman diinspirasikan Yahanis menceritakan pengalaman Perak SADC menyahut cabaran selain mendepani pelbagai risiko untuk membuka serta menguruskan Ladang PT Pinang Witmas Sejati (PT PWS) di Palembang, Indonesia bersama rakan kongsi iaitu PT Trimatra Sumber Buana (PT TSB).

Mengulas lanjut mengenai buku meja kopi itu, Saarani berkata, ia boleh menjadi naskhah untuk mem-

beri inspirasi kepada generasi muda membangunkan sektor pertanian tempatan. Katanya, kejayaan ini perlu dibuktikan supaya ia menjadi sumber rujukan dan inspirasi buat rakyat negara ini bagi menyahut cabaran menjadikan pertanian bagi menjana ekonomi.

"Kejayaan Perak SADC ini bukti agensi kerajaan negeri berpotensi menjana pendapatan dari sumber luar seterusnya memberi manfaat kembali kepada negara dan negeri," katanya.



BOTANIC INSPIRATION ... Visitors viewing the "Miracle Garden" during the Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition at the Malaysia Agro Exposition Park in Serdang yesterday. – **AMIRUL SYAFIQ/THE SUN**